

BIL.	KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH KE 159 (MINIT 159/11)
1	<p><b>Tujuan dan Kelulusan</b></p> <p>Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan peraturan untuk meraikan pegawai Perkhidmatan Awam yang bersara</p>
2	<p><b>Peraturan</b></p> <p>2.1 Jamuan</p> <p>2.1.1 Mengekalkan pemakaian Pekeliling Bursar bil 4/2014 agar semua PTJ mendapatkan perkhidmatan makanan daripada Fakulti Sains dan Teknologi Makanan sekurang-kurangnya 50% daripada perbelanjaan makanan untuk acara rasmi setiap PTJ.</p> <p>2.1.2 Kadar penyediaan jamuan untuk pegawai bersara dan jemputan adalah tidak melebihi RM6 seorang. Bilangan jemputan hendaklah dihadkan kepada mereka yang benar-benar perlu sahaja.</p> <p>2.2 Cenderamata</p> <p>2.2.1 Pegawai yang bersara boleh diberikan hadiah penghargaan dalam apa-apa bentuk yang difikirkan sesuai atas kadar keseluruhannya tidak melebihi RM400 seorang.</p> <p>2.3 Sijil Penghargaan</p> <p>2.3.1 Pegawai yang bersara boleh diberikan sijil penghargaan</p> <p>2.4 Syarat-Syarat</p> <p>2.4.1 pegawai Perkhidmatan Awam yang layak diraikan terdiri daripada pegawai yang bersara wajib, bersara atas sebab kesihatan dan bersara pilihan;</p> <p>2.4.2 bagi pesara pilihan, pegawai hendaklah telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang daripada 15 tahun</p>

BIL.	KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH KE 159 (MINIT 159/11)
3	<p>2.4.3 bagi pesara yang bersara atas sebab kesihatan, pegawai boleh diraikan tanpa mengambilkira tahun perkhidmatan pegawai dengan Kerajaan;</p> <p>2.4.4 majlis hendaklah dirancang dan diadakan sekali setahun sahaja. Setakat mana yang boleh, majlis hendaklah diadakan di peringkat Universiti yang meliputi semua Jabatan dan agensi di bawahnya;</p> <p>2.4.5 pegawai layak diraikan sekali sahaja sama ada dianjurkan oleh Universiti atau PTJ</p> <p>2.4.6 majlis hendaklah seboleh-bolehnya diadakan di perkarangan atau dalam kawasan Universiti masing-masing; dan</p> <p>2.4.7 majlis seboleh-bolehnya hendaklah diadakan semasa pegawai masih dalam perkhidmatan untuk mengelakkan perbelanjaan kepada pegawai seperti perbelanjaan perjalanan dan penginapan sekiranya pegawai berpindah ke tempat lain selepas bersara</p> <p><b>Hal-Hal Lain</b></p> <p>3.1 Universiti yang berhasrat untuk mengadakan majlis melebihi kadar yang dinyatakan di atas, boleh menampungnya melalui sumber lain seperti Kelab Kebajikan dan Sukan atau sumbangan daripada pegawai lain.</p> <p>3.2 Naib Canselor hendaklah memastikan pelaksanaan peraturan ini dipatuhi sepenuhnya oleh Pusat Tanggungjawab masing-masing</p> <p>3.3 Hanya Pesara dari UPM Kampus Bintulu yang dijemput untuk menghadiri majlis ini dan hadir ke majlis tersebut sahaja layak membuat tuntutan lojing/hotel bagi perjalanan yang munasabah berdasarkan kadar kelayakan sebelum bersara. Pembayaran bagi tuntutan ini adalah dibayar oleh Jabatan asal sebelum bersara.</p>